

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 26 Mei 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI APRIL 2023

---

### PULAU PINANG, JOHOR DAN SELANGOR MENYUMBANG 70.5 PERATUS KEPADAM JUMLAH EKSPORT PADA APRIL 2023

**PUTRAJAYA, 26 Mei 2023** – Pulau Pinang, Johor dan Selangor menyumbang 70.5 peratus kepada jumlah eksport pada April 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI, APRIL 2023**. Jumlah perdagangan bernilai RM198.0 bilion (-14.5% tahun ke tahun) dengan nilai eksport RM105.4 bilion (-17.4% tahun ke tahun) dan import bernilai RM92.6 bilion (-11.1% tahun ke tahun).

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, prestasi eksport mengikut negeri menunjukkan eksport pada bulan April 2023 menurun sebanyak RM22.2 bilion (-17.4%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah oleh kebanyakan negeri iaitu Selangor (-RM6.6 bilion), Pulau Pinang (-RM4.1 bilion), Sarawak (-RM2.9 bilion), Johor (-RM2.6 bilion), Sabah (-RM2.0 bilion), Perak (-RM1.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.1 bilion), Pahang (-RM628.6 juta), Melaka (-RM472.6 juta), W.P. Labuan (-RM113.8 juta), Kelantan (-RM79.0 juta), Terengganu (-RM66.8 juta) dan Perlis (-RM30.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport bagi Kedah dan Negeri Sembilan masing-masing meningkat sebanyak RM111.6 juta dan RM26.6 juta.

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Jabatan Perangkaan Malaysia memaklumkan import pada bulan April 2023 juga menurun RM11.5 bilion (-11.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah oleh kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM5.4 bilion), Melaka (-RM3.3 bilion), Selangor (-RM1.7 bilion), Perak (-RM1.2 bilion), Kedah

(-RM861.5 juta), Sarawak (-RM682.5 juta), Negeri Sembilan (-RM435.5 juta), Pahang (-RM92.9 juta) dan Terengganu (-RM45.3 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Johor sebanyak RM2.0 bilion, W.P. Kuala Lumpur (+RM284.1 juta), Sabah (+RM94.8 juta), Kelantan (+RM31.5 juta), Perlis (+RM16.2 juta) dan W.P. Labuan (+RM2.4 juta).


Jabatan Perangkaan Malaysia seterusnya memaklumkan antara lima negeri pengeksport utama, Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 31.5 peratus, diikuti oleh Johor (21.7%), Selangor (17.3%), Sarawak (7.0%) dan Kedah (4.6%). Sementara itu, bagi import, Selangor merupakan penyumbang utama dengan 27.3 peratus, diikuti oleh Johor (23.3%), Pulau Pinang (20.3%), W.P. Kuala Lumpur (7.9%) dan Kedah (5.5%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

**Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor, April 2022 – April 2023 (RM Bilion)**



## Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, April 2023



Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**26 MEI 2023**

**Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 26 May 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**PRESS STATEMENT  
FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE  
APRIL 2023**

---

**PULAU PINANG, JOHOR AND SELANGOR CONTRIBUTED  
70.5 PER CENT OF TOTAL EXPORTS IN APRIL 2023**

**PUTRAJAYA, 26<sup>th</sup> May 2023** – Pulau Pinang, Johor and Selangor contributed 70.5 per cent of total exports in April 2023, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE, APRIL 2023**. Malaysia's total trade for April 2023 amounted to RM198.0 billion (-14.5% year-on-year) with exports of RM105.4 billion (-17.4% year-on-year) and imports worth RM92.6 billion (-11.1% year-on-year).

According to the Department of Statistics Malaysia, export performance by states has shown that exports in April 2023 decreased RM22.2 billion (-17.4%) as compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was due to the lower exports in most states such as Selangor (-RM6.6 billion), Pulau Pinang (-RM4.1 billion), Sarawak (-RM2.9 billion), Johor (-RM2.6 billion), Sabah (-RM2.0 billion), Perak (-RM1.2 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.1 billion), Pahang (-RM628.6 million), Melaka (-RM472.6 million), W.P. Labuan (-RM113.8 million), Kelantan (-RM79.0 million), Terengganu (-RM66.8 million) and Perlis (-RM30.0 million). However, exports for Kedah and Negeri Sembilan increased by RM111.6 million and RM26.6 million respectively.

Looking at the performance of imports by state, the Department of Statistics Malaysia informed that imports also decreased RM11.5 billion (-11.1%) in April 2023 as compared to the same month of the previous year. The decrease in imports was due to the lower imports in most states such as Pulau Pinang (-RM5.4 billion), Melaka (-RM3.3 billion),

*Selangor (-RM1.7 billion), Perak (-RM1.2 billion), Kedah (-RM861.5 million), Sarawak (-RM682.5 million), Negeri Sembilan (-RM435.5 million), Pahang (-RM92.9 million) and Terengganu (-RM45.3 million). However, imports increased in Johor by RM2.0 billion, W.P. Kuala Lumpur (+RM284.1 million), Sabah (+RM94.8 million), Kelantan (+RM31.5 million), Perlis (+RM16.2 million) and W.P. Labuan (+RM2.4 million).*


*The Department of Statistics Malaysia also informed that among the top five major exporting states, Pulau Pinang remained as the top exporter with a share of 31.5 per cent, followed by Johor (21.7%), Selangor (17.3%), Sarawak (7.0%) and Kedah (4.6%). Meanwhile, for imports, Selangor was the largest contributor with a share of 27.3 per cent, followed by Johor (23.3%), Pulau Pinang (20.3%), W.P. Kuala Lumpur (7.9%) and Kedah (5.5%).*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.*

**Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, April 2022 – April 2023 (RM Billion)**



**Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, April 2023**



Released by:

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**  
**26 MAY 2023**